

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 17 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8613**

**SOALAN:**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah benar bahawa pekerja asing di dalam negara telah menjangkau lebih 5.5 juta orang. Jika benar, berikan pecahan mereka mengikut negeri dalam Negara yang mereka dibenarkan bekerja, pecahan kewarganegaraan atau Negara asal dan jantina mereka. Jika tidak benar, berapakah jumlah sebenar pekerja asing dalam Negara kini dan pecahan seperti di atas.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan ingin menegaskan bahawa dakwaan bilangan pekerja asing di dalam negara yang telah menjangkau 5.5 juta adalah tidak benar.**

**Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 31 Januari 2016, bilangan pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif adalah seramai 2,079,879 orang. Bilangan ini merangkumi pekerja asing yang bekerja dalam lima (5) sektor formal yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing.**

**Pecahan mengikut lima (5) warganegara tertinggi dan jantina bagi tempoh sehingga 31 Januari 2016 adalah seperti berikut:**

<b>BIL.</b>	<b>WARGANEGARA</b>	<b>JANTINA</b>		<b>JUMLAH (ORANG)</b>
		<b>L</b>	<b>P</b>	
<b>1.</b>	<b>Indonesia</b>	<b>546,337</b>	<b>273,436</b>	<b>819,773</b>
<b>2.</b>	<b>Nepal</b>	<b>468,687</b>	<b>15,221</b>	<b>483,908</b>
<b>3.</b>	<b>Bangladesh</b>	<b>271,197</b>	<b>839</b>	<b>272,036</b>
<b>4.</b>	<b>Myanmar</b>	<b>120,476</b>	<b>23,147</b>	<b>143,623</b>
<b>5.</b>	<b>India</b>	<b>133,471</b>	<b>2,450</b>	<b>135,921</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>1,540,168</b>	<b>315,093</b>	<b>1,855,261</b>

**Manakala pecahan mengikut empat (4) negeri tertinggi yang menggajikan pekerja asing bagi tempoh sehingga 31 Januari 2016 adalah seperti berikut:**

<b>BIL.</b>	<b>WARGANEGARA</b>	<b>JANTINA</b>		<b>JUMLAH (ORANG)</b>
		<b>L</b>	<b>P</b>	
<b>1</b>	<b>Selangor</b>	<b>506,417</b>	<b>120,254</b>	<b>626,671</b>
<b>2</b>	<b>Johor</b>	<b>301,295</b>	<b>52075</b>	<b>353,370</b>
<b>3</b>	<b>WP Kuala Lumpur</b>	<b>280,669</b>	<b>53,735</b>	<b>334,404</b>
<b>4</b>	<b>Pulau Pinang</b>	<b>100,239</b>	<b>47,840</b>	<b>148,079</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>1,188,620</b>	<b>273,904</b>	<b>1,462,524</b>